The current issue and full text archive of this journal is available at
https://muwafaqat.uis.edu.my/index.php/journal
DOI: https://doi.org/10.53840/muwafaqat.v9i2.232

Analisis Saintifik sebagai *Qarinah* dalam Penguatkuasaan Halal: Integrasi dalam Kerangka Pembuktian Syariah

Scientific Analysis as Qarinah in Halal Enforcement: Integration within the Shariah Evidentiary Framework

Submitted date: 5 March 2026
Revised date: 28 April 2026
Acceptance date: 5 Mei 2026
Available online: 31 October 2026

MOHAMAD AZHAN YAHYA
MOHD IZZAT AMSYAR MOHD ARIFF
(Corresponding Author)
Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, UKM Bangi, Selangor, Malaysia.
azhan@ukm.edu.my
izzatamsyar@ukm.edu.my

NORLIYANA NORDIN
NORLELAWATI ARIFIN
Fakulti Sains dan Teknologi, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai, 71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.
3251933@raudah.usim.edu.my
norlela@usim.edu.my

ABSTRAK

Penggunaan teknologi sains seperti ujian DNA (Deoxyribonucleic Acid), PCR (Polymerase Chain Reaction) dan FTIR (Fourier Transform Infrared Spectroscopy) dalam memastikan status halal kini menimbulkan persoalan penting iaitu sejauh manakah keputusan makmal tersebut boleh diterima sebagai bukti yang sah dalam undang-undang Islam. Walaupun teknologi ini sangat tepat dalam mengesan bahan haram, kedudukannya sebagai *qarinah* masih belum diperjelaskan secara tersusun dalam kerangka pembuktian undang-undang Islam, khususnya dari sudut aplikasi prinsip *qarinah* dalam pembangunan proses pengesahan halal yang berpotensi menjadi asas kepada pembentukan bukti dalam prosiding undang-undang. Kajian ini menggunakan pendekatan doktrinal dan analisis konseptual dengan data yang dikumpulkan daripada literatur fiqh, perundangan Syariah serta kajian sains forensik yang dianalisis secara tematik bagi menilai kedudukan analisis saintifik dalam kerangka prinsip *qarinah*. Kajian ini mendapati bahawa hasil makmal boleh menjadi bukti yang sangat kuat jika ia memenuhi dua syarat utama iaitu keputusannya mestilah logik secara saintifik dan selari dengan matlamat agama (*maqasid Syariah*). Penggunaan sains ini bukan bertujuan untuk menggantikan cara lama seperti saksi, tetapi ia bertindak sebagai pengukuh bukti melalui kaedah yang boleh diuji

kebenarannya. Sebagai jalan penyelesaian, artikel ini mencadangkan satu sistem penilaian yang menggabungkan aspek sains, prosedur kerja, dan hukum agama. Langkah ini sangat penting kerana rantaian makanan dunia semakin rumit dan sukar dipantau melalui mata kasar semata-mata. Dengan adanya panduan yang jelas, hakim dan penguat kuasa boleh menggunakan data makmal sebagai alat yang tepat bagi mengelakkan kesilapan manusia ketika membuat keputusan. Selain itu, gabungan ini memberikan keyakinan kepada pengguna bahawa status halal sesuatu produk adalah telus dan boleh dipercayai. Akhir sekali, usaha ini membuktikan bahawa undang-undang Islam sentiasa berkembang mengikut zaman dan mampu menggunakan kecanggihan sains tanpa mengenepikan prinsip agama yang asal.

Kata kunci: Analisis Saintifik, Keterangan Syariah, Maqasid Syariah, Penguatkuasaan Halal, *Qarinah*

ABSTRACT

The use of scientific technologies such as DNA (Deoxyribonucleic Acid), PCR (Polymerase Chain Reaction), and FTIR (Fourier Transform Infrared Spectroscopy) in determining halal status has raised important questions particularly regarding the extent to which laboratory results that can be accepted as valid evidence in Islamic law. Although these technologies are highly accurate in detecting prohibited substances, their position as *qarinah* remains insufficiently clarified within the framework of Islamic evidential law, particularly in terms of the application of *qarinah* principles in the development of halal verification processes that may serve as a basis for evidentiary purposes in legal proceedings. This study adopts a doctrinal and conceptual approach, with data collected from fiqh literature, Shariah legal sources, and forensic science studies, which are analysed thematically to assess the position of scientific analysis within the framework of *qarinah*. The study finds that laboratory results can constitute strong evidence provided that two main conditions are fulfilled: the results must be scientifically sound and aligned with the objectives of Islamic law (*maqasid al-Shariah*). The use of scientific methods is not intended to replace traditional forms of evidence such as witness testimony, but rather to strengthen evidentiary value through verifiable methods. As a solution, this article proposes a structured evaluation framework that integrates scientific, procedural, and Shariah elements. This approach is crucial as global food supply chains are increasingly complex and difficult to assess through physical observation alone. With clear guidelines in place, the enforcement authorities as well as decision-makers can utilise laboratory data more accurately, thereby reducing the risk of human error. Furthermore, this integration enhances consumer confidence by ensuring that halal status is transparent and reliable. Ultimately, this study demonstrates that Islamic law is dynamic and capable of accommodating scientific advancements without compromising its fundamental principles.

Keywords: Scientific Analysis, Shariah evidence, Maqasid al-Shariah, Halal Enforcement, *Qarinah*

PENDAHULUAN

Perkembangan teknologi analisis makanan dalam beberapa dekad kebelakangan ini telah mengubah landskap pengesahan dan penguatkuasaan halal secara besar-

besaran. Penggunaan kaedah canggih seperti ujian DNA (Deoxyribonucleic Acid), PCR (Polymerase Chain Reaction), dan FTIR (Fourier Transform Infrared Spectroscopy) iaitu kaedah spektroskopi untuk mengenal pasti komposisi kimia bahan melalui corak serapan inframerah, kini membolehkan sumber bahan mentah dikenal pasti dengan tahap ketepatan yang tinggi serta prosedur yang sistematik.

Pada masa yang sama, cabaran dalam industri halal juga semakin rumit dengan munculnya isu pemalsuan bahan, pencampuran unsur haram, serta penyalahgunaan logo halal di pasaran. Situasi ini menyebabkan sistem jaminan halal moden tidak lagi boleh bergantung sepenuhnya kepada pemeriksaan dokumen atau fizikal semata-mata, sebaliknya amat memerlukan bukti saintifik bagi menjamin ketulenan produk serta integriti keseluruhan rantaian bekalan.

Walau bagaimanapun, kemajuan teknikal ini menimbulkan persoalan penting mengenai kedudukannya dalam kerangka hukum Syariah. Jika analisis makmal menjadi alat utama dalam menentukan status halal, maka timbul persoalan tentang di mana letaknya bukti sains ini dalam struktur pembuktian Islam. Dalam tradisi undang-undang Islam, bukti biasanya dibincangkan melalui kategori saksi, pengakuan, dan petunjuk tidak langsung yang dipanggil sebagai *qarinah*. Perbahasan ulama terdahulu mengenai *qarinah* lazimnya berasaskan konteks sosial dan bentuk bukti yang lebih sederhana. Perkembangan ini mewujudkan jurang aplikasi apabila berhadapan dengan analisis makmal moden yang kompleks, sekali gus menuntut penilaian semula terhadap penerapan prinsip *qarinah* dalam konteks semasa.

Perkembangan analisis makmal moden yang semakin kompleks ini juga mewujudkan jurang antara kecanggihan teknologi forensik dengan teori undang-undang Syariah yang sedia ada. Kebanyakan kajian sebelum ini hanya menumpukan kepada kehebatan kaedah makmal atau membincangkan hukum *qarinah* secara umum tanpa menggabungkan kedua-dua bidang ini secara mendalam. Akibatnya, belum ada garis panduan sistematik yang menjelaskan bagaimana keputusan sains boleh dianggap sebagai bukti yang kuat di mahkamah. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk mengkaji kedudukan analisis saintifik sebagai *qarinah* dalam penguatkuasaan halal dengan meneliti kriteria yang menentukan kekuatannya serta keselarasan dengan matlamat agama atau maqasid Syariah.

Dalam konteks perundangan Malaysia, kesalahan berkaitan penentuan status halal makanan, khususnya yang melibatkan penggunaan bahan tidak halal, dikawal selia di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 dan Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011 yang berada dalam bidang kuasa Mahkamah Sivil. Sehubungan itu, kajian ini tidak bertujuan membincangkan aspek bidang kuasa atau pendakwaan, sebaliknya memberi tumpuan kepada analisis normatif terhadap kedudukan dapatan saintifik sebagai *qarinah* dalam kerangka pembuktian undang-undang Islam. Analisis ini penting bagi menilai bagaimana keterangan saintifik boleh difahami dalam perspektif taʿzir sebagai asas sokongan kepada pembuktian kes berkaitan halal.

SOROTAN LITERATUR

Perbincangan mengenai pembuktian dalam undang-undang Islam secara tradisinya banyak bergantung kepada kaedah saksi, pengakuan, dan sumpah. Di samping kaedah tersebut, para ulama turut menerima pakai konsep *qarinah* iaitu petunjuk tidak langsung yang dapat membantu hakim mencapai tahap keyakinan yang munasabah dalam sesuatu kes (Muhammad Hazim Ahmad et al., 2019). Walaupun *qarinah* ini penting, majoriti ulama tidak menerima penggunaannya sebagai asas sabitan dalam kes jenayah hudud berikutan standard pembuktian yang sangat ketat dan keperluan kepada bukti yang bersifat langsung. Namun demikian, *qarinah* diberikan ruang yang lebih luas dalam kes ta'zir, yang membolehkan hakim menilai pelbagai petunjuk semasa dalam mencapai keyakinan yang munasabah (Lukman Abdul Mutalib & Wan Abdul Fattah Wan Ismail, 2012).

Malah, menurut pakar perundangan tempatan, *qarinah* mestilah sesuatu yang jelas dan boleh dibuktikan kewujudannya di mahkamah bagi menyokong keterangan lain agar keadilan tidak terjejas (Mahmud Saedon Awang Othman, 2003). Seiring dengan peredaran zaman, sistem perundangan moden kini banyak bergantung kepada bukti saintifik seperti ujian DNA, forensik digital, dan analisis molekul yang sangat tepat serta boleh diuji secara makmal. Walaupun terdapat perbezaan cara menilai bukti di mana hukum Islam melihat pada tahap keyakinan hakim manakala sains bergantung kepada data teknikal empirikal, kedua-dua bidang ini sebenarnya boleh digabungkan melalui konsep fiqah forensik bagi menghasilkan rantaian pembuktian yang sangat kukuh (Ahmad Syukran Baharuddin, 2017).

Apabila *qarinah* difahami sebagai satu petunjuk ke arah kebenaran, hasil makmal seperti ujian saintifik mempunyai potensi yang sangat besar untuk diiktiraf sebagai bukti sokongan yang sah dan kuat di Mahkamah Syariah (Alias Azhar & Abdul Ghafur Abdul Hadi, 2018). Dalam konteks pembuktian zaman moden, Mohamad Azhan Yahya et al. (2023) berpandangan bahawa aplikasi *qarinah* perlu diperluaskan untuk merangkumi bukti-bukti fizikal dan digital bagi memastikan keadilan dapat ditegakkan terutamanya dalam jenayah yang semakin licik. Begitu juga dalam kes-kes jenayah kesusilaan, penggunaan keterangan berbentuk elektronik dan saintifik sangat membantu mahkamah dalam mensabitkan kesalahan selagi rantaian buktinya jelas dan tidak meragukan (Mohamad Azhan Yahya, Muhammad Najhan Ibrahim, & Muhammad Alif Izuddin Roslan, 2023).

Keupayaan ini turut ditegaskan dalam perbicaraan kes-kes ajaran sesat dan penyelewengan akidah, apabila jejak digital serta bukti forensik berfungsi sebagai *qarinah* yang signifikan dalam usaha menahan pelaku. (Kamalin Mastura Mohd Kamil et al., 2025). Malah, kebolehterimaan dokumen digital dan maklumat teknologi ini sebenarnya telah mula mendapat perhatian yang sangat positif di Mahkamah Syariah berbanding masa lalu (Mohamad Azhan Yahya, Ahmad Azam Mohd Shariff, & Fatimah Yusro Hashim, 2017; Wan Abdul Fattah Wan Ismail et al., 2021).

Walau bagaimanapun, isu kecekapan dan latihan dalam mengendalikan bahan bukti makmal oleh pegawai syariah harus dipandang serius memandangkan kelemahannya boleh menyebabkan sesuatu kes itu terpaksa digugurkan di mahkamah. Sebagai ilustrasi, kegagalan memelihara rantaian jagaan (chain of custody), kesilapan dalam mentafsir dapatan analisis makmal, atau ketidakpatuhan kepada prosedur standard boleh mewujudkan keraguan munasabah terhadap kebolehpercayaan bukti, seterusnya menjejaskan penerimaannya dalam proses pembuktian (Ahmad Syukran Baharuddin, Lukman Abdul Mutalib, & Wan Abdul Fattah Wan Ismail, 2019).

Ketiadaan garis panduan yang jelas mengenai penilaian sains forensik berasaskan prinsip *qarinah* dalam kerangka pembuktian Islam sering menyebabkan kekeliruan dalam proses penghakiman. Garis panduan yang dimaksudkan merujuk kepada kriteria penilaian seperti tahap kebolehpercayaan analisis makmal, kebolehulangan keputusan, serta pematuhan kepada rantaian jagaan bahan bukti. Justeru, integrasi antara teknologi dan hukum agama amat diperlukan bagi menjamin kelancaran sistem kehakiman negara. Sebagai contoh, pembuktian *qarinah* bukan sahaja terpakai dalam kes jenayah awam, malah ia turut diguna pakai secara meluas dalam kes-kes kekeluargaan bagi membuktikan wujudnya asas yang kukuh untuk sesuatu tindakan perundangan seperti perceraian (Shadli Sabarudin, Aishah Mohd Nor, & Rafeah Saidon, 2022).

Penggabungan disiplin ilmu ini sangat penting supaya analisis saintifik bukan sekadar dilihat sebagai alat pemeriksaan makmal biasa, tetapi diangkat sebagai instrumen utama untuk melindungi keselamatan agama, nyawa, dan harta pengguna. Asas ini sebenarnya telah lama dibincangkan oleh sarjana perundangan Islam klasik yang menyatakan bahawa teori pembuktian sentiasa terbuka kepada penerimaan kaedah baharu selagi ia membantu menegakkan kebenaran dan tidak bercanggah dengan syarak (Ahmad Fathī Bahansī, 1962).

Dalam soal pematuhan dan industri halal pula, pembuktian saintifik menjadi semakin mendesak kerana rantaian makanan yang rumit menyukarkan pengguna dan pihak berkuasa untuk mengenal pasti pemalsuan bahan secara fizikal tanpa sokongan ujian makmal (Norazla Abdul Wahab et al., 2015). Lebih-lebih lagi, perundangan Syariah kini turut mengiktiraf peranan pakar bukan sahaja dalam makmal fizikal, malah merangkumi kepakaran psikologi dalam membantu memberikan gambaran yang lebih meyakinkan untuk menyokong sesuatu *qarinah* (Mohd Sabree Nasri et.al, 2024). Kesimpulannya, penstrukturan semula konsep bukti makmal ini sama sekali tidak bertujuan untuk membuang kaedah hukum yang lama, sebaliknya ia meluaskan lagi tahap kefahaman perundangan Islam bagi menangani isu jenayah dan pengesahan halal yang semakin rumit serta berteknologi tinggi pada masa kini.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui reka bentuk doktrinal yang digabungkan dengan analisis konseptual bagi menilai kedudukan ujian saintifik sebagai *qarinah* dalam sistem pembuktian Syariah (Nasri et al., 2025). Pendekatan ini

dipilih kerana isu yang dibincangkan melibatkan tafsiran konsep undang-undang, penyusunan semula kategori pembuktian, serta penilaian keselarasan antara hukum fiqah dan perkembangan sains moden.

Selain itu, kajian ini turut membuat perbandingan dengan teori pembuktian undang-undang moden untuk melihat persamaan rasionaliti dalam proses pembentukan keyakinan hakim. Data kajian dikumpulkan daripada tiga sumber utama. Pertama, literatur fiqah klasik dan kontemporari yang membincangkan konsep *qarinah*, ruang ijtihad dalam kes ta'zir. Kedua, literatur sains forensik dan halal yang menghuraikan prinsip ketepatan makmal, kebolehulangan keputusan, dan rantaian jagaan bahan bukti. Ketiga, teori pembuktian moden yang membincangkan standard kebolehpercayaan dan inferens rasional.

Kesemua data ini dianalisis secara bertema bagi mengenal pasti prinsip teras kebolehpercayaan bukti, sebelum digabungkan menjadi satu kerangka konseptual yang baharu. Kerangka ini kemudiannya dinilai menggunakan piawaian maqasid Syariah bagi memastikan peluasan konsep *qarinah* ini benar-benar selari dengan matlamat melindungi agama dan kepentingan awam. Pemilihan pendekatan doktrinal ini sangat wajar kerana kajian ini bertujuan membina model teori dan bukannya menguji hipotesis secara empirikal. Walau bagaimanapun, memandangkan kajian ini tidak melibatkan analisis kes perbicaraan yang sebenar, kerangka yang dicadangkan masih memerlukan pengujian praktikal pada masa hadapan untuk melihat tahap keberkesanannya di mahkamah.

DAPATAN

Kajian ini mendapati bahawa ujian saintifik di makmal bukan sekadar alat teknikal untuk mengesahkan status halal sesuatu produk, sebaliknya ia secara prinsipnya memenuhi ciri utama untuk diiktiraf sebagai petunjuk atau *qarinah* yang kuat dalam kerangka pembuktian undang-undang Islam. Dalam konteks penguatkuasaan halal di Malaysia, dapatan ini selari dengan peruntukan di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 serta Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) yang menjadikan analisis makmal sebagai asas dalam menentukan ketulenan status halal sesuatu produk.

Oleh itu, keputusan makmal yang dihasilkan melalui prosedur yang sah dan terkawal berpotensi berfungsi sebagai *qarinah* yang kukuh dalam menyokong tindakan penguatkuasaan. Penemuan ini sekali gus memperluaskan kefahaman bahawa *qarinah* tidak terhad kepada petunjuk fizikal tradisional, tetapi merangkumi bukti saintifik yang boleh diuji dan disahkan secara empirikal. Sebaliknya, penggunaan ujian saintifik ini membuktikan kepada kita bahawa kategori *qarinah* dalam Islam sebenarnya bersifat sangat terbuka dan ia boleh sentiasa berkembang maju seiring dengan perubahan taktik jenayah masa kini serta kepesatan kemajuan teknologi moden.

Analisis Saintifik sebagai Qarinah dalam Pembuktian Halal

Pertama sekali, jika dilihat dari sudut cara ilmu itu dibina, ujian saintifik makmal ini bertindak sebagai satu bentuk petunjuk yang tidak langsung namun ia tetap mampu membawa hakim kepada kesimpulan yang sangat tepat mengenai sesuatu fakta yang penting di mahkamah. Dalam konteks penguatkuasaan halal di Malaysia, khususnya di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 dan Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal), keputusan analisis makmal menjadi asas penting dalam menentukan kesahihan representasi halal sesuatu produk.

Walaupun keputusan tersebut tidak membuktikan elemen niat secara langsung, ia menyediakan bukti yang objektif dan bebas mengenai status sebenar kandungan bahan dalam sesuatu produk makanan. Ciri-ciri ketepatan dan kebolehulangan analisis saintifik adalah selari dengan sifat asas *qarinah*, iaitu sebagai petunjuk yang membina keyakinan melalui rantaian inferens yang konsisten dan boleh dipercayai (Mahmud Saedon Awang Othman, 2003; Muhammad Hazim Ahmad et al., 2019). Oleh itu, dari sudut konsep, ujian saintifik ini tidak terkeluar daripada sistem pembuktian undang-undang Islam, malah berpotensi untuk diiktiraf sebagai sebahagian daripada *qarinah*.

Kriteria Kebolehpercayaan Analisis Saintifik sebagai Qarinah

Perkara kedua yang ingin ditegaskan oleh kajian ini adalah kekuatan sesuatu ujian saintifik itu untuk dijadikan sebagai qarinah tidak dinilai semata-mata kerana ia menggunakan nama sains, sebaliknya ia diukur berdasarkan sejauh mana tahap ketepatan dan kebolehpercayaannya di mata pihak mahkamah. Sesuatu ujian makmal hanya boleh diterima dan dihujahkan sebagai satu *qarinah* yang kukuh apabila ia memenuhi kriteria asas kebolehpercayaan, iaitu kesahihan metodologi saintifik, kebolehulangan keputusan, serta integriti rantaian jagaan bahan bukti (Ahmad Syukran Baharuddin, 2017; Wan Abdul Fattah Wan Ismail et al., 2021).

Kegagalan memenuhi elemen-elemen ini boleh menimbulkan keraguan terhadap kebolehpercayaan bukti dan seterusnya menjejaskan kekuatannya dalam proses pembuktian. Tanpa pematuhan kepada ketiga-tiga elemen penting ini, keputusan saintifik tersebut berisiko kehilangan tahap kebolehpercayaannya, sekali gus mengurangkan kekuatannya sebagai qarinah kerana wujudnya keraguan terhadap ketepatan dan keaslian bahan bukti berkenaan. Penemuan ini jelas menunjukkan kepada kita bahawa proses untuk menerima bukti saintifik ke dalam ruang lingkup undang-undang Syariah amat memerlukan disiplin serta prosedur kerja yang sangat ketat, dan bukannya diterima secara semberono atau automatik tanpa usul periksa.

Pengukuhan Qarinah melalui Maqasid Syariah

Bagi perkara yang ketiga, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penggabungan prinsip maqasid Syariah memperkukuh kedudukan sains sebagai *qarinah* dalam pembuktian. Secara khusus, kesalahan berkaitan halal melibatkan pemeliharaan

agama (*hifz al-din*) melalui penjagaan kesucian sumber makanan, serta pemeliharaan harta (*hifz al-mal*) melalui perlindungan pengguna daripada penipuan. Dalam konteks ini, penggunaan kaedah saintifik seperti FTIR dan PCR sebagai *qarinah* menyumbang kepada pencapaian maqasid tersebut dengan menyediakan asas pembuktian yang lebih objektif dan boleh dipercayai.

Justeru itu, langkah mengiktiraf bukti teknologi yang mampu mencegah penipuan serta mengekalkan kebersihan sesuatu produk ini bukan sekadar dibenarkan oleh prinsip agama, malah ia amat bertepatan dengan tujuan utama undang-undang Syariah. Sebarang tafsiran terhadap konsep *qarinah* yang langsung tidak mengambil peduli tentang sudut maqasid Syariah ini akan membawa risiko besar yang boleh menyekat ruang perlindungan terhadap kepentingan awam di dalam dunia serba moden pada hari ini.

Keserasian Qarinah Saintifik dengan Standard Pembuktian Undang-Undang

Perkara keempat pula memfokuskan kepada perbandingan dengan tahap pembuktian di dalam sistem undang-undang sivil di Malaysia yang jelas membuktikan bahawa penggunaan bukti sains ini bukanlah suatu perkara yang pelik atau luar biasa di dalam sistem mahkamah masa kini. Jika kita lihat dalam perbicaraan kes jenayah sivil, bukti berbentuk saintifik ini akan diterima dengan hati terbuka apabila ia berjaya meyakinkan pihak mahkamah sehingga tahap melangkaui sebarang keraguan yang munasabah. Bagi perbicaraan kes ta'zir di Mahkamah Syariah pula, tahap keyakinan yang wujud dalam diri hakim terhadap qarinah itulah yang akan menjadi asas utama kepada keputusan yang bakal dijatuhkan (Shariff, 2019).

Walaupun sumber asas dan rujukan bagi kedua-dua sistem undang-undang ini nyata berbeza, namun cara dan struktur penilaian hakim menunjukkan satu persamaan yang amat ketara, iaitu kedua-duanya sama-sama mengiktiraf penggunaan bukti secara tidak langsung yang memiliki tahap ketepatan yang tinggi. Fakta ini secara tidak langsung telah memperkukuhkan lagi hujah yang mengatakan bahawa sains benar-benar mampu bertindak sebagai qarinah yang padu tanpa merosakkan kesucian prinsip hukum Islam.

Sebagai rumusan keseluruhannya, kajian ini menegaskan bahawa ujian saintifik tidak wajar dilihat sekadar sebagai sokongan tambahan dalam penguatkuasaan halal, sebaliknya perlu diiktiraf sebagai *qarinah* yang mempunyai nilai probatif yang tinggi dalam pembuktian. Dapatan saintifik seperti FTIR dan PCR menyediakan asas inferens yang objektif terhadap fakta isu, sekali gus memperkukuh proses penentuan status halal tanpa menafikan keutamaan bentuk keterangan lain. Sebarang kegagalan pihak berwajib untuk menyusun serta meletakkan status sains ini di kedudukan yang jelas akan membuka ruang kepada wujudnya masalah ketidakseragaman semasa proses penguatkuasaan mahupun ketika hakim menjatuhkan hukuman kelak.

Oleh yang demikian, semua penemuan ini dengan tegas menuntut agar pemahaman terhadap konsep qarinah ini dinilai serta ditafsirkan semula supaya ia menjadi lebih

peka terhadap ledakan kemajuan sains dan teknologi semasa, tanpa sedikit pun meminggirkan asas matlamat agama atau maqasid Syariah yang luhur.

PERBINCANGAN

Analisis Saintifik sebagai Qarinah

Kedudukan ujian makmal sebagai bukti atau *qarinah* yang kuat tidak patut dilihat sebagai isu teknikal semata mata. Isu yang paling sebenar adalah berkaitan dengan cara kita memahami tahap ilmu dan struktur hukum pembuktian itu sendiri. Dalam tradisi perundangan Islam, *qarinah* bertindak sebagai petunjuk tidak langsung yang sangat membantu hakim untuk membina keyakinan dalam menjatuhkan hukuman, terutamanya bagi kes ta'zir yang tertakluk kepada budi bicara pemerintah (Mahmud Saedon Awang Othman, 2003).

Qarinah merupakan sebahagian daripada konsep *bayyinah* dalam sistem pembuktian undang-undang Islam, yang merangkumi pelbagai bentuk bukti sama ada secara langsung atau tidak langsung. Dalam konteks ini, *qarinah* berfungsi sebagai bukti tidak langsung yang membantu hakim membina keyakinan terhadap sesuatu fakta melalui rantaian inferens yang munasabah dan konsisten. Dalam hal ini, Paizah Haji Ismail (1998) menegaskan bahawa sistem pembuktian Islam menekankan penggunaan logik akal dan pertimbangan terhadap keadaan sekeliling, serta tidak dibina berasaskan formula yang kaku, sebaliknya melalui proses penilaian minda yang meneliti setiap sudut kejadian.

Walau bagaimanapun, struktur hukum lama ini terbina pada zaman sebelum wujudnya teknologi canggih. *Qarinah* pada zaman dahulu hanya bergantung kepada pemerhatian mata kasar, keadaan fizikal bahan, atau tingkah laku masyarakat yang dinilai mengikut situasi tertentu. Apabila sains forensik moden mula berkembang, ia telah memperkenalkan satu bentuk petunjuk baharu yang lebih hebat kerana ia berasaskan ujian eksperimen, ukuran yang tepat, dan pengesahan di dalam makmal. Persoalan utama sekarang bukanlah sekadar sama ada bukti saintifik ini boleh diterima atau tidak, tetapi adakah ia boleh dimasukkan secara sah ke dalam kategori qarinah tanpa merosakkan sifat asal pembuktian undang-undang Syariah.

Kriteria Kebolehpercayaan Analisis Saintifik

Dalam dunia sains, sesuatu kebenaran itu dinilai melalui tahap ketepatannya, kemampuannya untuk diuji berulang kali, dan kawalan prosedur yang sangat ketat (Ahmad Syukran Baharuddin, 2017). Keputusan makmal menjadi sangat kuat bukan semata mata kerana ia dibuat oleh pakar, tetapi kerana cara ujian itu boleh dibuktikan semula oleh orang lain. Dalam sistem undang-undang sivil moden pula, pembuktian kes jenayah sangat bergantung kepada keyakinan hakim yang dibina melalui kebarangkalian logik akal yang melepasi tahap keraguan yang munasabah (Zulfakar Ramlee, 2015). Walaupun undang-undang Islam menggunakan istilah yakin manakala sains menggunakan istilah kebarangkalian, kedua-duanya sebenarnya

berkongsi satu asas berfikir yang sama iaitu membuat keputusan melalui rantaian logik yang stabil dan boleh dipertanggungjawabkan (Shariff, 2019).

Di sinilah kita dapat melihat titik pertemuan antara sains dan agama dengan sangat jelas. Ketepatan sains makmal tidak bercanggah dengan konsep *yakin* dalam perundangan Islam, sebaliknya memperkukuh rantaian inferens yang membawa kepada keyakinan tersebut (Mahmud Saedon Awang Othman, 2003; Paizah Haji Ismail, 1998). Dalam sains forensik, dapatan analisis dinilai melalui tahap kebarangkalian dan kebolehpercayaan yang boleh diuji secara empirikal (Taroni et al., 2014).

Justeru, apabila ujian makmal memenuhi standard saintifik yang ketat, ia berpotensi membentuk *qarinah* yang lebih konsisten dan boleh dipercayai berbanding petunjuk fizikal yang terdedah kepada kesilapan manusia (Ahmad Syukran Baharuddin, 2017). Integrasi ini menunjukkan bahawa prinsip pembuktian Islam bersifat dinamik dan mampu mengakomodasi perkembangan sains tanpa menjejaskan asas normatifnya.

Peranan Maqasid Syariah dalam Pengukuhan *Qarinah*

Tindakan meluaskan skop *qarinah* ini perlulah dikawal rapi oleh disiplin ilmu agama. Tindakan menyamakan ketepatan sains dengan keyakinan hukum secara membuta tuli akan membawa risiko besar yang boleh mengubah sistem Syariah menjadi sebuah sistem mesin yang kosong dan terpisah daripada pertimbangan nilai kemanusiaan. Ketepatan sains itu hanyalah satu syarat keperluan asas, tetapi ia masih belum cukup sempurna. Ia wajib bergerak di dalam landasan maqasid Syariah yang bertindak sebagai pengimbang agama terhadap sifat mesin teknologi tersebut.

Menurut pandangan Mohd Anuar Ramli dan Mohammad Aizat Jamaludin (2011), maqasid Syariah ini merupakan satu sistem yang sentiasa berorientasikan matlamat untuk menjaga kebaikan manusia, manakala Irwan Mohd Subri (2014) pula meletakkan matlamat perlindungan terhadap kepentingan awam sebagai asas utama yang menghalalkan sesuatu hukum. Dalam isu sijil halal, ketulenan sesuatu produk itu sangat berkait rapat dengan soal menjaga kesucian agama dan melindungi wang ringgit pengguna. Oleh itu, pengiktirafan sains sebagai *qarinah* yang kuat hanya dianggap sah apabila ia menyumbang kepada pemeliharaan maslahah dan selari dengan maqasid Syariah, bukan sekadar meningkatkan ketepatan teknikal semata-mata (Kamali, 2008). Dalam konteks ini, nilai sesuatu bukti tidak hanya diukur berdasarkan ketepatan saintifik, tetapi juga sejauh mana ia menyokong keadilan dan kesejahteraan masyarakat.

Kajian tempatan mengenai industri halal dengan jelas menunjukkan bahawa sistem pensijilan masa kini amat bergantung kepada kemampuan teknologi sains untuk memastikan kebersihan bahan mentah (Zalina Zakaria, 2004). Namun begitu, kepercayaan pengguna Islam terhadap status halal juga sangat bergantung kepada kejujuran institusi agama serta ketelusan sistem pengurusan pihak berkuasa itu sendiri (Norazla Abdul Wahab et al., 2015). Perkara ini membuktikan bahawa teknologi canggih sahaja masih tidak mencukupi, sebaliknya ia mesti digerakkan di dalam

sebuah organisasi kerajaan yang telus. Justeru itu, kedudukan sains sebagai *qarinah* di mahkamah sama sekali tidak boleh dipisahkan daripada persekitaran penguatkuasaan dan struktur jabatan yang menyokong pelaksanaan undang-undang tersebut.

Keserasian dengan Sistem Pembuktian Semasa

Kesan gabungan sains dan agama ini amat memerlukan kita untuk memberikan penjelasan semula mengenai susunan keutamaan bukti di mahkamah. Keterangan saksi atau *bayyinah* masih lagi kekal menduduki tempat pertama sebagai bukti secara langsung, namun *qarinah* kini tidak boleh lagi dianggap sebagai satu kategori yang sama rata. Ia perlu dinilai mengikut tahap kekuatannya yang diukur melalui kestabilan fakta dan ketepatan mesin makmal.

Dalam kes kesalahan ta'zir, kebijaksanaan hakim membenarkan *qarinah* memainkan peranan yang sangat besar untuk menentukan nasib tertuduh (Alias Azhar & Abdul Ghafur Abdul Hadi, 2018). Ujian makmal yang terbukti sangat tepat dan mempunyai prosedur yang bersih wajar diletakkan pada tahap yang paling tinggi di dalam senarai *qarinah* tersebut. Namun begitu, jika timbul sebarang kekeliruan tentang cara ujian makmal itu dijalankan, ia wajib disokong oleh bukti fizikal sekeliling bagi mengekalkan keadilan antara ketegasan penguatkuasa dan hak asasi perlindungan tertuduh.

Usaha untuk menyusun semula struktur pembuktian ini tidak mengubah asas hukum tradisional Islam, sebaliknya memperkemaskan kaedah aplikasinya dalam konteks semasa selaras dengan pendekatan maqasid Syariah (Kamali, 2008). Pendekatan ini turut mengalihkan penilaian daripada bentuk zahir sesuatu bukti kepada kekuatan logik dan rantaian inferens yang menyokongnya, selaras dengan tradisi pembuktian Islam yang menekankan penggunaan akal dalam menilai sesuatu fakta (Paizah Haji Ismail, 1998; Mahmud Saedon Awang Othman, 2003).

Dengan menggunakan kaedah ini, proses pembuktian kes halal tidak lagi terikat kepada persoalan sama ada bukti itu berbentuk langsung atau tidak langsung, sebaliknya ia bergantung sepenuhnya kepada tahap ketepatan logik yang boleh dipertanggungjawabkan. Langkah bijak sebegini akan meningkatkan lagi keseragaman keputusan mahkamah serta mengurangkan ruang kesilapan akibat tekaan rambang dalam menilai qarinah.

Tanpa adanya integrasi yang jelas antara analisis saintifik dan prinsip *qarinah* dalam proses pengesahan halal, pengurusan sistem halal berisiko untuk terperangkap dalam pertembungan antara sains sebagai alat teknikal dan agama sebagai sistem hukum yang terpisah. Pertembungan tersebut bukan sahaja akan melemahkan maruah sistem kehakiman Islam, malah ia bakal mewujudkan pelbagai keputusan yang tidak selari di peringkat penguatkuasaan. Dengan gabungan yang dikawal rapi serta berpandukan matlamat maqasid Syariah, bukti sains akhirnya akan berfungsi sebagai sebuah *qarinah* yang memperkukuhkan maruah undang-undang Islam, bukannya cuba untuk memadamkan kaedah lama.

Secara keseluruhannya, penerimaan sains sebagai sebahagian daripada *qarinah* bukanlah suatu pendekatan yang baharu, sebaliknya merupakan kesinambungan daripada sifat anjal perundangan Islam. Hal ini selaras dengan amalan sedia ada di mana *qarinah* telah lama diterima sebagai bentuk bukti dalam kes mal dan jenayah Syariah, seperti yang dapat dilihat dalam kes *Nyonya Tahir* dan *Pendakwa Syarie Sabah lwn Rosli bin Japar*, yang menunjukkan bahawa mahkamah telah mengiktiraf penggunaan *qarinah* dalam proses pembuktian.

Ia menegaskan bahawa sistem Syariah mempunyai keupayaan yang sangat luas untuk menyerap petunjuk petunjuk baharu, asalkan gabungan tersebut berjaya memenuhi dua syarat asas iaitu ketepatan logik akal dan kepatuhan kepada nilai moral agama. Menerusi pendekatan yang seimbang ini, penguatkuasaan halal akan terus kekal diyakini, konsisten, dan dihormati dalam landskap undang-undang yang semakin rumit pada hari ini.

Segala perbincangan di atas telah membuktikan bahawa tindakan mengiktiraf kepakaran sains sebagai *qarinah* yang kuat amat boleh dipertahankan dari sudut hukum dan sangat selari dengan prinsip maqasid Syariah. Namun begitu, penerimaan teori di atas kertas ini sahaja masih tidak memadai sekiranya pihak berkuasa tidak menyediakan satu struktur penilaian yang jelas untuk membimbing hakim membuat keputusan. Tanpa adanya satu kerangka yang tersusun rapi, proses penilaian hakim terhadap laporan makmal berisiko untuk berbeza beza mengikut budi bicara individu dan menimbulkan ketidakadilan dalam penguatkuasaan.

Oleh sebab itu, bagi memastikan gabungan antara ketepatan mesin dan keyakinan hakim dapat berjalan selari dalam perbicaraan sebenar, kajian ini mencadangkan suatu sistem pembuktian berlapis, iaitu suatu kerangka penilaian bukti yang disusun secara bertahap daripada peringkat pengesanan saintifik hingga kepada penilaian kehakiman. Dalam sistem ini, lapisan pertama melibatkan analisis saintifik seperti FTIR sebagai saringan awal, diikuti lapisan kedua melalui pengesahan menggunakan PCR bagi meningkatkan tahap kepastian, dan seterusnya lapisan ketiga melibatkan penilaian oleh hakim berdasarkan prinsip qarinah dan maqasid Syariah. Pelaksanaan sistem ini boleh dilakukan melalui penyediaan garis panduan standard yang mengintegrasikan prosedur saintifik, dokumentasi rantaian jagaan (chain of custody), serta kriteria penilaian kehakiman bagi memastikan pembuktian dapat dilaksanakan secara konsisten dan boleh dipercayai dalam kes berkaitan halal.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, artikel ini menegaskan bahawa ujian makmal atau analisis saintifik wajar diiktiraf sebagai satu bentuk *qarinah* yang mempunyai nilai probatif yang tinggi dalam sistem pembuktian undang-undang Syariah. Hal ini khususnya dalam konteks penentuan status halal bagi produk berasaskan gelatin atau daging yang meragukan, termasuk situasi pencemaran silang (*cross-contamination*) atau penggunaan bahan tidak halal dalam rantaian pengeluaran. Dalam perspektif hukum Islam, perbuatan sedemikian boleh dikategorikan sebagai kesalahan ta'zir kerana melibatkan penipuan

dan pelanggaran terhadap prinsip halal, sekali gus memerlukan penilaian terhadap keterangan saintifik bagi menyokong pembuktian.

Sokongan terhadap ujian makmal ini bukanlah sekadar menerima kecanggihan teknologi secara membuta tuli, tetapi ia didorong oleh hakikat bahawa ketepatan sains sebenarnya sangat membantu akal fikiran hakim untuk menyusun bukti sehingga mencapai tahap keyakinan yang sebenar. Selagi mana sesuatu ujian makmal itu dijalankan dengan cara yang betul, keselamatan bahan buktinya dijaga rapi, dan matlamatnya selari dengan tujuan agama atau maqasid Syariah, maka penggunaan sains ini sama sekali tidak terkeluar daripada landasan hukum Islam. Sebaliknya, ia membuktikan betapa konsep q*arinah* ini sangat terbuka dan mudah disesuaikan mengikut peredaran zaman.

Dari sudut sumbangan ilmu, kajian ini berjaya menggabungkan hukum pembuktian Islam, maqasid Syariah, dan sains forensik halal dalam satu kerangka yang bersepadu. Dalam konteks penguatkuasaan halal, maqasid Syariah yang terlibat secara langsung ialah pemeliharaan agama (*hifz al-din*) melalui penjagaan kesucian sumber makanan, pemeliharaan nyawa (*hifz al-nafs*) melalui perlindungan daripada bahan yang memudaratkan, serta pemeliharaan harta (*hifz al-mal*) melalui pencegahan penipuan terhadap pengguna. Penggabungan ini membolehkan konsep *qarinah* dinilai secara lebih tersusun berdasarkan tahap kekuatan dan ketepatan bukti saintifik dalam menyokong pembuktian. Dengan menjelaskan titik pertemuan antara ketepatan sains dan keyakinan hakim, artikel ini sebenarnya telah memperkayakan lagi perbincangan undang-undang Islam dalam era teknologi moden tanpa sedikit pun merosakkan nilai keagamaan yang asal.

Dari sudut kegunaan amali pula, garis panduan pembuktian yang dicadangkan di dalam kajian ini mampu memberikan panduan yang jauh lebih tersusun kepada pihak penguat kuasa dan para hakim ketika mereka perlu menilai bukti saintifik di mahkamah. Sistem penilaian berlapis yang merangkumi aspek ketepatan sains, prosedur kerja, dan hukum agama ini mempunyai potensi yang sangat besar untuk menyelaraskan keputusan hakim dan mengurangkan sebarang kekeliruan ketika mengendalikan kes jenayah halal. Melalui pendekatan yang teliti ini, penggunaan kepakaran sains dalam tugas penguatkuasaan halal pasti dapat dijalankan dengan lebih adil, teratur, dan telus.

Melalui pendekatan yang teliti ini, penggunaan kepakaran sains dalam tugas penguatkuasaan halal pasti dapat dijalankan dengan lebih adil, teratur dan telus. Walaupun penguatkuasaan halal di Malaysia dilaksanakan di bawah Akta Perihal Dagangan 2011 dan tertakluk kepada bidang kuasa mahkamah sivil, konsep *ra'y al-khabir* dalam undang-undang keterangan Syariah tetap relevan sebagai asas teoritikal dalam menilai kedudukan bukti saintifik. Pendekatan ini menunjukkan bahawa walaupun berbeza dari sudut bidang kuasa, terdapat titik persamaan dari segi prinsip pembuktian, khususnya dalam menerima kepakaran saintifik sebagai asas sokongan kepada *qarinah*.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan setinggi-tingi penghargaan kepada Geran Kompetitif Fakulti Undang-Undang (UKM) (UU-2024-017) kerana membantu membiayai penerbitan kajian ini.

RUJUKAN

Ahmad Fathī Bahansī. (1962). *Naẓariyyah al-Ithbāt*. Kaherah: al-'Arabiyyah li al-Ṭibā'ah.

Ahmad Syukran Baharuddin, Wan Abdul Fattah Wan Ismail, & Lukman Abdul Mutalib. (2019). Tinjauan Awal Terhadap Modul Teras Fiqh Forensik Bagi Kegunaan Pegawai-Pegawai Syariah Di Malaysia. *UMRAN - International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 6(2-2), 195-209.

Ahmad Syukran Baharuddin. (2017). *Di Sebalik Fiqah Forensik*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.

Alias Azhar, & Abdul Ghafur Abdul Hadi. (2018). DNA Sebagai Qarinah Di Mahkamah Syariah: Analisis Terhadap Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah Perlis 2006. *International Journal of Law, Government and Communication*, 2(6), 76-86.

Irwan Mohd Subri. (2014). *Maqasid al-Syariah: Konsep dan Aplikasi*. Nilai: Penerbit USIM.

Kamali, M. H. (2008). *Shari'ah law: An introduction*. Oxford: Oneworld Publications.

Kamalin Mastura Mohd Kamil, Mohamad Azhan Yahya, Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif, Ahmad Azam Mohd Shariff, Muhammad Sayuti Hassan, & Faezy Adenan. (2025). Application of Qarinah and Cyber Document Evidence in Deviant Teaching Cases. *Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies*, 34(4), 15-24.

Lukman Abdul Mutalib, & Wan Abdul Fattah Wan Ismail. (2012). Al-Qarinah : Antara kekuatan dan keperluan dalam mensabitkan kesalahan jenayah (zina). *International Journal of Islamic Thought*, 2, 46-59.

Mahmud Saedon Awang Othman. (2003). *Undang-Undang Keterangan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohamad Azhan Yahya, Ahmad Azam Mohd Shariff, & Fatimah Yusro Hashim. (2017). Keterangan dokumen dalam bentuk digital di Mahkamah Syariah: Analisis berkaitan definisi serta kebolehterimaannya di sisi prinsip Syariah *di Malaysia*. *Current Legal Issues*, 1, 1–12.

Mohamad Azhan Yahya, Mohamad Muqri Syahiran Mohd Mustafa, & Datu Hishamuddin Datu Hasim. (2023). *Qarinah dan Sabitan dalam Jenayah Islam*. Bangi: Penerbit UKM.

Mohamad Azhan Yahya, Muhammad Najhan Ibrahim, & Muhammad Alif Izuddin Roslan. (2023). *Kesalahan Kesusilaan Jenayah Syariah*. Bangi: Penerbit UKM.

Mohd Anuar Ramli, & Mohammad Aizat Jamaludin. (2011). Uruf Majmuk: Konsep Dan Amalannya Dalam Masyarakat Majmuk Di Malaysia. *Jurnal Fiqh*, 8, 45-64.

Mohd Sabree Nasri, Ruzman Md Noor, Mohamad Azhan Yahya, Abdul Karim Ibrhim, & Mohamad Afandi Md Ismail. (2024). Kebolehterimaan Keterangan Pendapat Pakar Psikologi Sebagai Kaedah Pembuktian di Mahkamah Syariah. *Jurnal Sains Sosial*, 9(1).

Muhammad Hazim Ahmad, Ruqayyah Razak, Nurul Syahirah Saharudin, Hendun Abd. Rahman Shah, Hasnizam Hashim, & Ahmad Syukran Baharuddin. (2019). Nafas baru kepada tahap pembuktian Qarinah dalam undang-undang keterangan mahkamah syariah. E-Prosiding Diskusi Syariah dan Undang-Undang: Siri 1, 25-39.

Nasri, M. S., Noor, R. M., Hanafi, H., Aziz, W. A., & Yahya, M. A. (2025). Reassessing the Requirement of Two Expert Witnesses in Malaysian Syariah Courts: Legal Ambiguities, Fiqh Principles, and Legal Reform. *Global Journal Al Thaqafah*, 88–103.

Norazla Abdul Wahab, Farah Mohd Shahwahid, Nor'Adha Ab Hamid, & Surianom Miskam. (2015). Undang-undang halal Malaysia: Isu dan cabaran. Proceeding of the 2nd International Conference on Management and Muamalah (ICoMM), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS).

Paizah Haji Ismail. (1998). *Undang-Undang Jenayah Islam*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM).

Shadli Sabarudin, Aishah Mohd Nor, & Rafeah Saidon. (2022). Analisis pembuktian prima facie berdasarkan sabitan Qarinah dalam kesalahan matrimoni di Mahkamah Syariah Selangor. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 8(2), 79-92.

Shariff, A. A. M., Azhar, A., Rajamanickam, R., Abdul Manap, N., Mohd Hussein, S., Md. Said, M. H., Ab Halim, A. H., & Markom, R. (2019). Analysis on admissibility of DNA evidence in Malaysian Syariah courts. *Academic Journal of Interdisciplinary Studies, 8*(4), 159–167. https://doi.org/10.36941/ajis-2019-0050

Taroni, F., Aitken, C., Garbolino, P., & Biedermann, A. (2014). *Bayesian networks and probabilistic inference in forensic science*. Wiley.

Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Ahmad Syukran Baharuddin, Lukman Abdul Mutalib, & Mohamad Aniq Aiman Alias. (2021). A Systematic Analysis on the Admissibility of Digital Documents as Evidence in Malaysian Syariah Courts. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 29(3), 1981-1996.

Zalina Zakaria. (2004). Keberkesanan Undang-Undang Makanan dan Produk Halal di Malaysia. *Jurnal Syariah*, 12(2), 95-106.

Zulfakar Ramlee Saad. (2015). Pembuktian dalam kes jenayah syariah Malaysia: Isu dan penyelesaian. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 27(1), 122-142.

Statut

Akta Perihal Dagangan 2011

Perintah Perihal Dagangan (Takrif Halal) 2011

Senarai Kes

Nyonya Binti Tahir, Ex p Majlis Agama Islam Negeri Sembilan & Yang Lain [2006] 1 CLJ (Sya) 335

Pendakwa Syarie Negeri Sabah lwn. Rosli bin Abdul Japar (2007), 23(2) JH 237